

Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT Surah al-Baqarah (2: 83-86)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Siri 15. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-83-6.

Abstract

Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT, Surah al-Baqarah (2: 83-86), Siri 15 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT menyingkap tujuh perjanjiannya dengan Kaum Bani Israil dan menggambarkan bagaimana kaum itu gagal untuk melaksanakannya padahal mereka sudah berikrar untuk mentaati perjanjian tersebut. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah (2: 83-86)* daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua pengajaran penting yang boleh diambil pengajaran oleh umat Islam dan umat Manusia, iaitu pengajaran daripada elemen perjanjian antara Bani Israil dengan Allah SWT dan pengajaran daripada kegagalan kaum Yahudi ini untuk mengikuti perjanjian dalam beberapa kisah yang berlaku sama di Madinah dan di tempat lain.

References

- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih* – *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.

- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Zamkhasari, Mahmud. 1987. *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq Gawamidi al-Tanzil*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 51-57)*. Kertas Kerja dalam Siri 13: Program Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas Kerja dalam Siri 18: Program Budaya al-Quran, 31 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Jld. 14. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Jld. 15. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 15
Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT
Surah *al-Baqarah* (2: 83-86)**

Kamarul Azmi Jasmi



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 15
Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT
Surah al-Baqarah (2: 83-86)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Julai 2021
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BANI ISRAIL DAN PERJANJIAN DENGAN ALLAH SWT : SURAH AL-BAQARAH (2:83-86) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 15)

ISBN 978-967-2171-83-6

1. Qur'an. Surat al-Baqarah-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI
Fakulti Tamadun Islam
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	v
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	3
Surah Al-Baqarah (2: 83)	3
Surah Al-Baqarah (2: 84-86)	14
Pengajaran Ayat	25
Pengajaran Perjanjian Bani Israil dengan Allah SWT	25
Pengajaran Kisah Kaum Yahudi di Madinah	27
Rumusan	28
Rujukan	28
Indeks	31
Biodata	32

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku

tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam

Universiti Teknologi Malaysia

2018

PENGENALAN

Selepas Allah SWT menegaskan bahawa hanya yang beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW ketika eranya sahaja yang akan selamat daripada azab yang kekal abadi (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019a, 2021a), Allah SWT mengingatkan mereka semula tentang perjanjian mereka dengan Allah SWT dalam beberapa perkara selain daripada keimanan kepada-Nya dan Nabi Muhammad SAW (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019b, 2021b). Firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ
وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ
ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٨٣﴾
وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَاءَكُمْ وَلَا تَخْرُجُونَ
أَنْفُسَكُمْ مِّن دِيَارِكُمْ ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ وَأَنْتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٨٤﴾ ثُمَّ
أَنْتُمْ هَؤُلَاءِ تَقْتُلُونَ أَنْفُسَكُمْ وَتَخْرُجُونَ فَرِيقًا مِّنكُمْ
مِّن دِيَارِهِمْ تَظَاهَرُونَ عَلَيْهِم بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَإِن
يَأْتُوكُمْ أَسْرَىٰ نَقَدُوهُمْ وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ

إِخْرَاجُهُمْ أَفْتَوْمُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضِ فَمَا
 جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
 وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ
 عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا
 بِالْآخِرَةِ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٨٦﴾

Maksud: Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman), “Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak yatim, serta orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan yang baik; dan dirikanlah solat serta berilah zakat.” Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya. (83) Dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu, “(Bahawa) janganlah kamu menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan) sesama sendiri, dan janganlah kamu usir-mengusir sesama sendiri dari kampung masing-masing.” Kemudian kamu berikrar mematuhi perjanjian setia itu, dan kamu sendiri pula menjadi saksi (yang mengakui kebenarannya). (84) Kemudian kamu ini (wahai Bani Israil), kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampungnya; kamu pula saling bantu-membantu (dengan orang lain) untuk menentang mereka dengan melakukan dosa dan penganiayaan; padahal kalau mereka datang kepada kamu sebagai orang tawanan, kamu tebus mereka; sedang perbuatan mengusir mereka diharamkan juga atas kamu. Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka

tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. (85) Mereka itulah orang yang membeli (mengutamakan) kehidupan dunia (dan kesenangannya) dengan (meninggalkan perintah Allah yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan) akhirat; maka tidak akan diringankan azab seksa mereka (pada hari kiamat), dan mereka pula tidak akan diberikan pertolongan. (86)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 83-86)

Pada kali ini tafsiran ayat dibahagikan kepada dua kelompok penting, iaitu kelompok pertama *al-Baqarah* (2: 83), iaitu tentang perjanjian Bani Israil untuk melaksanakan beberapa tuntutan penting hubungan mereka dengan Allah SWT dan hubungan mereka dengan sesama manusia. Manakala kelompok kedua pula iaitu surah *al-Baqarah* (2: 84-86), iaitu berkait dengan perjanjian Bani Israil untuk tidak menumpahkan darah sesama manusia. Pada bahagian akhir akan dibincangkan pengajaran ayat yang boleh diambil daripada kisah perjanjian untuk umat Islam dan umat manusia.

TAFSIRAN AYAT

Tafsiran ayat dibahagian kepada dua bahagian penting, iaitu *al-Baqarah* (2: 83) dan *al-Baqarah* (2: 84-86).

SURAH AL-BAQARAH (2: 83)

Allah SWT memulakan firman-Nya yang menyentuh tentang ikatan perjanjian-Nya dengan Bani Israil dalam beberapa perkara. Firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ
 وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ
 وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ
 ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٨٣﴾

Maksud: *Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman), “Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan yang baik; dan dirikanlah solat serta berilah zakat.” Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya. (83)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 83)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/316) berkata, bahawa melalui ayat ini Allah SWT mengingatkan kaum Bani Israil terhadap apa yang diperintahkan oleh-Nya kepada mereka dan ikatan janji oleh-Nya atas hal tersebut dari mereka. Namun mereka berpaling dari semua janji tersebut bahkan mereka pula menentang secara sengaja dan membuat pelbagai rencana untuk menentang perjanjian tersebut sedangkan mereka mengetahui dan mengingati hal tersebut. Maka Allah SWT memerintahkan mereka agar menyembah-Nya dan jangan menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun. Firman Allah SWT:

لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ

Maksud: *Janganlah kamu menyembah melainkan Allah.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 83)

Menurut Imam Al-Zamkhasari (1987: 1/159) kalimat ayat ini berbentuk *khavar*, tetapi bermakna *talab*; ungkapan seperti ini lebih kuat. Menurut pendapat yang lain, bentuk asalnya adalah:

أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ

Maksud: *Hendaklah jangan kamu menyembah melainkan Allah.*

Bacaan ini seperti bacaan yang dilakukan oleh ulama Salaf, lalu huruf *an* (أَنْ) dibuang hingga tidak kelihatan. Menurut suatu riwayat dari Ubay dan Ibn Mas'ud bahawa kedua-dua mereka membaca ayat ini:

لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ

Maksud: *Janganlah kamu menyembah selain Allah.*

Ada juga pendapat bahawa asal perkataan ini adalah seperti berikut:

وَاللَّهِ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ

Maksud: *Demi Allah! Janganlah kamu menyembah selain Allah.*

Terdapat kalimah sumpah pada awalnya dan takwil ini seperti dinukil oleh Imam (Al-Qurtubi, 1964: 2/13) dalam kitab tafsirnya, dari Imam

Sibawaih. Imam Sibawaih menyatakan bahawa bacaan inilah yang dipilih oleh Imam al-Kisai'i dan Imam Farra'.

Perintah menyembah Allah SWT ini adalah sama sepertimana yang diperintahkan oleh-Nya kepada semua makhluk. Hal ini demikian kerana tujuan tersebutlah Allah SWT menciptakan semua mereka termasuk jin dan manusia. Kenyataan ini sebagaimana yang disebutkan dalam ayat yang lain, iaitu firman-Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

Maksud: *Dan Kami tidak mengutus sebelumnya (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya, "Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepadaKu."* (25)

(Surah *al-Anbiya*, 21: 25)

Begitu juga dengan firman Allah SWT yang berikut:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ

Maksud: *Dan sesungguhnya Kami mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka), "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut."*

(Surah *al-Nahl*, 16: 36)

Terbukti menyembah Allah SWT merupakan hak yang paling tinggi dan paling besar, iaitu hak Allah SWT yang mengharuskan agar Dia semata yang disembah, tiada sekutu bagi-Nya; sesudah itu baru hak makhluk. Manakala hak makhluk yang paling utama untuk ditunaikan ialah hak kedua orang tua. Hal ini demikian kerana itu Allah SWT selalu mengiringkan tentang hak kedua orang tua bersama dengan hak-Nya. Firman-Nya:

﴿أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلَوْلَا دَيْكَ إِلَى الْمَصِيرُ﴾ (١٤)

Maksud: *(Dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). (14)*

(Surah Luqman, 31: 14)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman pula dalam ayat lainnya:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا
تَنْهَرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ
مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾ رَبُّكُمْ
أَعْلَمُ بِمَا فِي نَفْسِكُمْ ۚ إِنَّ تَكُونُوا صَالِحِينَ فَإِنَّهُ كَانَ

لِلْأَوْلِيَّيْنَ عَفْوَراً ﴿٣٥﴾ وَآتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ
السَّبِيلِ وَلَا تَبْذِرْ تَبَذِيرًا ﴿٣٦﴾

Maksud: *Dan Tuhanmu perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaannya, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). (23) Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata), "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil." (24) Tuhan kamu lebih mengetahui akan apa yang ada pada hati kamu; kalaulah kamu orang yang bertujuan baik mematuhi perintahNya, maka sesungguhnya dia adalah Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat. (25) Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. (26)*

(Surah *al-Isra'*, 17: 23)

Hak untuk berbakti kepada ibu bapa seperti dalam ayat dibincangkan diperkukuhkan dengan dalil daripada hadis Nabi SAW berikut (Al-Bukhari, 2001: 2782; Muslim, t.th.: 85):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَيُّ الْعَمَلِ
أَفْضَلُ؟ قَالَ: «الصَّلَاةُ لَوْ قَتَبَهَا» قَالَ: قُلْتُ ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: «بِرُّ
الْوَالِدَيْنِ» قَالَ: قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: «الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.»

Maksud: 'Abdullah bin Mas 'ud berkata, "Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, "Wahai Rasulullah, amal perbuatan apakah yang paling utama?" Baginda SAW menjawab, "Solat pada waktunya." Aku bertanya lagi, "Kemudian apa lagi?" Baginda SAW menjawab, "Berbakti kepada kedua ibu bapa." Aku bertanya, "Kemudian apa lagi?" Baginda SAW menjawab, "Jihad di jalan Allah SWT."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Kedudukan kebaktian kepada ibu bapa diperkukuhkan lagi dengan hadis berikut pula, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 5971; Muslim, t.th.: 2548):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، فَقَالَ: مَنْ
أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِي؟ قَالَ: «أُمُّكَ» قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ
أُمُّكَ» قَالَ: «ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أُمُّكَ» قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أَبُوكَ.»

Maksud: Abu Hurairah RA berkata, "Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW dan bertanya, "Siapakah manusia yang paling berhak untuk aku perbaiki persahabatanku kepadanya? Baginda menjawab, "Ibumu." Lelaki itu bertanya, "Kemudian siapa lagi?" Baginda menjawab, "Ibumu." Lelaki itu bertanya lagi, "Kemudian siapa lagi!" Baginda menjawab, "Ayahmu."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Tambahan daripada hadis yang sama pada hujung hadis dalam riwayat Ibn Majah (2009: 3658):

... لِأَدْنَىٰ فَلِأَدْنَىٰ.

Maksud: *kemudian orang yang paling dekat kekerabatannya denganmu, lalu orang yang dekat kekerabatannya denganmu.*”

(Ibn Majah)

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/317) menyambung, *al-yatama* (الْيَتَامَىٰ) ertinya anak-anak kecil yang tidak mempunyai orang tua yang menjamin penghidupan mereka. Sedangkan *al-masakin* (الْمَسَاكِينِ) ialah orang yang tidak menjumpai apa yang mereka belanjakan buat diri mereka sendiri dan keluarganya. Dalam surah *al-Nisa*’ akan dibahas secara terperinci mengenai golongan tersebut yang diperintahkan Allah SWT dengan tegas agar kita menunaikannya, iaitu dalam firman-Nya:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ
إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ
وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنْ اللَّهُ لَا يُحِبُّ مَنْ
كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Maksud: *Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak*

yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membanggakan diri. (36)

(Surah *al-Nisa*, 4: 36)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/317) melanjutkan perbincangan tafsirnya dengan firman Allah SWT:

وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا

Maksud: *Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan yang baik.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 83)

Maksud ayat ini, “berkatalah kepada mereka dengan baik dan lemah lembut.” Termasuk dalam hal ini amar makruf dan nahi munkar dengan cara yang makruf. Sebagaimana Hasan al-Basri berkata berhubungan dengan ayat ini, bahawa perkataan yang baik ialah yang mengandung amar makruf dan nahi munkar, serta mengandung kesabaran, pemaafan, dan pengampunan serta berkata baik kepada manusia; seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT, iaitu semua akhlak baik yang diredai oleh Allah SWT sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis berikut (Muslim, t.th.: 2626):

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، قَالَ: قَالَ لِي النَّبِيُّ ﷺ: «لَا تَحْفِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا، وَلَوْ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهِ طَلْقٍ»

Maksud: *Abu Zar RA* berkata, “*Nabi SAW yang bersabda kepadaku, Jangan sekali-kali kamu meremehkan suatu hal yang makruf barang sedikit pun. Sekalipun dengan kamu bertemu saudaramu dengan wajah yang berseri.*”

(Muslim)

Adalah sangat sesuai sekali apabila Allah SWT memerintahkan kepada mereka untuk berkata baik kepada manusia sesudah Dia memerintahkan mereka untuk berbuat baik kepada mereka melalui perbuatan. Dengan demikian, bererti dalam ayat ini tergabung dua bentuk kebajikan, iaitu kebajikan dalam bentuk perbuatan dan dalam bentuk ucapan. Kemudian perintah untuk menyembah Allah SWT dan berbuat baik kepada manusia ini dikuatkan lagi dengan perintah yang tertentu secara lebih terperinci daripada hal tersebut, iaitu perintah mendirikan solat dan menunaikan zakat. Untuk itu Allah SWT berfirman:

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

Maksud: *Dan dirikanlah solat serta berilah zakat.*”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 83)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/317) berkata bahawa diceritakan pula bahawa ternyata Bani Israil berpaling dari semua perintah yang diperintahkan kepada mereka, iaitu mereka meninggalkan hal tersebut, membelakanginya, dan berpaling dengan sengaja sesudah mereka mengetahuinya kecuali sedikit dalam kalangan mereka yang mengerjakannya.

Allah SWT memerintahkan pula umat ini dengan hal yang serupa dalam surat *al-Nisa*, iaitu melalui firman-Nya:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ
 إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي
 الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ
 وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن
 كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Maksud: Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membanggakan diri; (36)

(Surah *al-Nisa*, 4: 36)

Dengan demikian, bererti umat ini diberi kepercayaan oleh Allah SWT untuk mengerjakan perintah Allah SWT yang tidak pernah dikerjakan oleh umat sebelumnya. Segala puji dan anugerah hanyalah milik Allah SWT belaka.

Antara nukilan yang pelik berhubungungan dengan hal ini ialah sebuah riwayat yang diketengahkan oleh (Ibn Abi Hatim, 1998: 848):

عَنْ أَسَدِ بْنِ وَدَاعَةَ: أَنَّهُ كَانَ يَخْرُجُ مِنْ مَنْزِلِهِ فَلَا يَلْقَى
يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا إِلَّا سَلَّمَ عَلَيْهِ، فَقِيلَ لَهُ: مَا شَأْنُكَ؟ تُسَلِّمُ
عَلَى الْيَهُودِيِّ وَالنَّصْرَانِيِّ. فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ يَقُولُ: (وَقُولُوا
لِلنَّاسِ حُسْنًا) وَهُوَ: السَّلَامُ.

Maksud: *Asad bin Wada'ah*. Disebutkan bahwa *Asad bin Wada'ah* bila keluar dari rumahnya tidak pernah bersua dengan seorang Yahudi atau Nasrani melainkan ia mengucapkan salam kepada mereka. Ketika ditanyakan kepadanya, "Apakah yang mendorongmu hingga kamu mengucapkan salam kepada orang Yahudi dan orang Nasrani?" Beliau menjawab bahwa sesungguhnya Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan yang baik." (Surah al-Baqarah, 2: 83). Perkataan yang baik itu menurutnya adalah ucapan salam.

(*Ibn Abi Hatim*)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/318) bahwa sudah ditetapkan dalam sunah bahwa umat Islam tidak boleh memulakan untu mengucapkan salam penghormatan kepada orang Yahudi dan orang Nasrani.

SURAH AL-BAQARAH (2: 84-86)

Penekanan yang utama yang ditekankan oleh Allah SWT dalam perjanjian dengan Bani Israil ialah untuk tidak menumpahkan darah antara sesama manusia. Firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَاءَكُمْ وَلَا تُخْرِجُونَ
 أَنْفُسَكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ وَأَنْتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٨٤﴾ ثُمَّ
 أَنْتُمْ هَؤُلَاءِ تَقْتُلُونَ أَنْفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ فَرِيقًا مِنْكُمْ
 مِّنْ دِيَارِهِمْ تَظْهَرُونَ عَلَيْهِم بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَإِن
 يَأْتُوكُمْ أُسْرَى تَفْدُوهُمْ وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ
 إِخْرَاجَهُمْ ۚ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا
 جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
 وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ
 عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا
 بِالْآخِرَةِ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٨٦﴾

Maksud: Dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu, “(Bahawa) janganlah kamu menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan) sesama sendiri, dan janganlah kamu usir-mengusir sesama sendiri dari kampung masing-masing.” Kemudian kamu berikrar mematuhi perjanjian setia itu, dan kamu sendiri pula menjadi saksi (yang mengakui kebenarannya). (84) Kemudian kamu ini (wahai Bani Israil), kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampungnya; kamu pula saling bantu-membantu (dengan orang lain) untuk menentang mereka dengan melakukan dosa dan penganiayaan; padahal kalau

mereka datang kepada kamu sebagai orang tawanan, kamu tebus mereka; sedang perbuatan mengusir mereka diharamkan juga atas kamu. Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. (85) Mereka itulah orang yang membeli (mengutamakan) kehidupan dunia (dan kesenangannya) dengan (meninggalkan perintah Allah yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan) akhirat; maka tidak akan diringankan azab seksa mereka (pada hari kiamat), dan mereka pula tidak akan diberikan pertolongan. (86)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 84-86)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/318) berkaata bahawa melalui ayat ini Allah SWT membantah orang Yahudi yang ada pada zaman Rasulullah SAW di Madinah dan mengancam tindakan mereka yang ikut berperang melibatkan diri dalam perang antara Aus dan Khazraj. Hal ini kerana kabilah Aus dan Khazraj, iaitu orang Ansar pada asalnya pada masa Jahiliah adalah penyembah berhala. Oleh kerana itu antara kedua belah pihak banyak terjadi peperangan. Sedangkan orang Yahudi di Madinah terdiri atas tiga kabilah, iaitu Bani Qainuqa' dan Bani Nadir yang merupakan sekutu kabilah Arab Khazraj. Sedangkan Bani Quraizah adalah sekutu dengan kabilah Aus. Apabila terjadi peperangan antara kedua belah pihak, maka masing-masing berpihak kepada teman sekutu mereka. Orang Yahudi juga terlibat dalam peperangan ini hingga mereka juga membunuh musuh sekutu mereka. Adakalanya seorang Yahudi membunuh Yahudi lain yang berpihak kepada musuh sekutu mereka. Padahal perbuatan tersebut diharamkan atas diri mereka menurut ajaran agama yang dinaskan oleh kitab Taurat mereka. Mereka mengusir musuh mereka dari kampung halamannya serta merompak semua peralatan, barang, dan harta benda yang ada pada kampung

tersebut. Tetapi apabila perang berhenti dan terjadi gencatan senjata antara kedua kabilah yang bersangkutan, masing-masing daripada kedua-dua golongan dari kaum Yahudi menebus tawanan yang sekaum dengan mereka daripada tangan musuh mereka kerana mengamalkan kandungan kitab Taurat. Oleh kerana itulah, maka Allah SWT berfirman:

أَفْتَوْمُنُونَ بَعْضُ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ

Maksud: *Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain?*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 85)

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَاءَكُمْ وَلَا تُخْرَجُونَ
أَنْفُسَكُمْ مِّن دِيَارِكُمْ

Maksud: *Dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu, “(Bahawa) janganlah kamu menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan) sesama sendiri, dan janganlah kamu usir-mengusir sesama sendiri dari kampung masing-masing.”*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 84)

Makna yang dimaksud ialah, janganlah sebahagian dari kamu membunuh sebahagian yang lain, jangan mengusir dari rumah mereka, dan jangan pula saling membantu untuk melakukan hal tersebut. Pengertian ini sama dengan firman Allah SWT:

فَتُوبُوا إِلَىٰ بَارِيكُمْ فَاقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ

Maksud: Maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu; iaitu bunuhlah diri kamu.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 54)

Dikatakan demikian kerana orang yang memeluk agama yang sama, sebahagian darinya atas sebahagian yang lain sama kedudukannya dengan satu orang (Jasmi, 2018), seperti pengertian yang terkandung dalam sabda Nabi SAW berikut (Muslim, t.th.: 2586):

عَنِ الثُّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، "مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَىٰ لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَىٰ".

Maksud: Nu'man bin Bashir berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Perumpamaan orang mukmin dalam kecintaan dan kasih sayang serta silaturahmi (keakraban) mereka sama dengan satu tubuh; apabila ada salah satu anggota tubuh darinya merasa sakit, maka seluruh anggota tubuh merasakan sakitnya hingga demam dan tidak dapat tidur.

(Muslim)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/318) menyambung perbincangan tentang perjanjian antara Allah SWT dengan Bani Israil melalui firman-Nya:

ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ وَأَنْتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٨٤﴾

Maksud: *Kemudian kamu berikrar mematuhi perjanjian setia itu, dan kamu sendiri pula menjadi saksi (yang mengakui kebenarannya). (84)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 84)

Berdasarkan ayat ini, Bani Israil sudah berikrar bahawa diri mereka sudah mengetahui janji tersebut dan keabsahannya dan dalam masa yang sama mereka juga sudah berikrar untuk melaksanakannya. Namun mereka tetap juga melanggar perjanjian tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang seterusnya:

ثُمَّ أَنْتُمْ هَؤُلَاءِ تَقْتُلُونَ أَنْفُسَكُمْ وَتُخْرَجُونَ فَرِيقًا
مِّنْكُمْ مِّن دِيَارِهِمْ

Maksud: *Kemudian kamu ini (wahai Bani Israil), kamu berbunuhan-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampungnya*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 85)

Ibn ‘Abbas berkata ketika membincangkan firman Allah SWT ini bahawa Allah SWT memberitahukan kepada mereka apa yang pernah mereka lakukan sebelum itu. Dalam kitab Taurat, Allah SWT mengharamkan atas diri mereka mengalirkan darah mereka dan diwajibkan atas diri mereka menebus orang sebangsa dengan mereka yang ditawan. Cerita peperangan antara bangsa Yahudi ini di Madinah bersama dengan sekutu yang terdiri daripada Aus dan Khazraj sudah diceritakan sebelum ini. Apa yang penting dalam cerita ini ialah kaum

bahawa kabilah Aus dan Khazraj adalah orang musyrik penyembah berhala. Mereka tidak mengenal adanya syurga dan neraka, tidak pula peracaya kepada hari kebangkitan. Mereka juga tidak mengenal adanya kitab, tidak kenal pula dengan istilah halal dan haram. Sebaliknya orang Yahudi sudah mengetahui perbuatan mereka adalah salah sehingga mereka menebus tawanan perang mereka yang ada di tangan kabilah Aus, sedangkan orang Bani Quraizah menebus tawanan perang mereka yang berada di tangan kabilah Khazraj. Tujuan mereka mengajukan tuntutan terhadap apa yang dilakukan oleh mereka sendiri dalam bentuk mengalirkan darah bangsa mereka dan mereka membunuh orang yang mereka bunuh dalam kalangan mereka sendiri untuk membantu kaum musyrik yang ada di pihaknya. Sehingga Allah SWT mempersoalkan tindakan orang Yahudi dalam ayat surah *al-Baqarah*, (2: 85). Dengan kata lain, kaum Yahudi saling menebus dan saling membunuh antara sesama kamu, padahal dalam kitab Taurat disebutkan bahawa tidak boleh membunuh, tidak boleh mengusir seseorang dari kampung halamannya, tidak boleh pula membantu orang agar musyrik kepada Allah SWT dan penyembah berhala untuk melakukan hal itu kerana mengharapkan keuntungan duniawi.

Imam al-Suddi meriwayatkan bahawa orang Quraizah adalah teman sekutu kabilah Aus. Sedangkan orang Bani Nadir teman sekutu kabilah Khazraj. Mereka saling membunuh dalam perang yang terjadi antara sesama mereka. Bani Quraizah berpihak kepada teman sekutunya, dan Bani Nadir berpihak kepada teman sekutunya pula. Tersebutlah bahawa Bani Nadir pernah berperang melawan Bani Quraizah dan teman sekutunya dan Bani Nadir dapat mengalahkan mereka. Kaum Bani Nadir mengusir kaum Bani Quraizah dari tempat tinggal mereka. Apabila ada orang yang tertawan dalam kalangan kedua belah pihak, mereka mengumpulkan tawanan tersebut, lalu saling menebus antara sesama mereka. Melihat kejadian tersebut orang Arab mencela perbuatan mereka seraya menyatakan, “Mengapa kamu memerangi mereka, kemudian kamu menebus tawanan mereka?” Orang Yahudi menjawab, “Kami diperintahkan untuk menebus mereka dan diharamkan

atas kami memerangi mereka (sesamanya).” Orang Arab bertanya, “Lalu mengapa kamu memerangi mereka?” Orang Yahudi menjawab, “Kami merasa malu bila teman sekutu kami mengalami penghinaan daripada kekalahan.” Yang demikian itulah yang di-sebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya, “Kemudian kamu ini (wahai Bani Israil), kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampungnya (surah *al-Baqarah*, 2: 85) hingga akhir ayat tersebut.

Menurut al-Suddi lagi yang meriwayatkan daripada al-Sya‘bi, bahawa ayat berikut diturunkan berkenaan dengan Qais bin al-Hatim, iaitu firman-Nya, “*Kemudian kamu ini (wahai Bani Israil), kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampungnya.*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 85), hingga akhir ayat. Kisahnya seperti berikut bahawa Abd al-Khair yang menceritakan kisah, “Kami berperang dengan Sulaiman bin Rabi‘ah al-Bahili di Lanjar. Kami dapat mengepung penduduknya. Akhirnya kami mencapai kemenangan ke atas kota tersebut, serta kami memperoleh banyak tawanan wanita. Abdullah bin Salam membeli seorang wanita Yahudi dengan harga tujuh ratus. Ketika ia melalui Rasul Jalut, ia turun istirahat padanya, lalu Abdullah berkata kepada pemimpin Rasul Jalut, “Hai Rasul Jalut, maukah engkau membeli dariku seorang nenek yang ada di tanganku dalam kalangan pemeluk agamamu (agama Yahudi)?” Rasul Jalut menjawab, “Ya.” Abdullah bin Salam berkata, “Aku membelinya dengan harga tujuh ratus (dirham).” Pemimpin Rasul Jalut menjawab, “Aku mahu memberimu keuntungan yang sama dengan modalmu itu.” Abdullah bin Salam berkata, “Sesungguhnya aku bersumpah bahawa aku tidak akan menjualnya dengan harga kurang dari empat ribu (dirham).” Pemimpin Rasul Jalut menjawab, “Aku tidak memerlukannya.” Abdullah bin Salam berkata, “Demi Allah, kamu benar-benar membelinya dariku atau kamu kafir terhadap agamamu sendiri yang kamu peluk sekarang.” Selanjutnya Abdullah bin Salam berkata, “Kemarilah Dekat kepadaku.” Maka pemimpin itu mendekat kepadanya dan Abdullah bin Salam

membacakan ke telinganya apa yang terkandung dalam kitab Taurat, iaitu, “Sesungguhnya kamu tidak sekali-kali menemukan seorang budak dalam kalangan Bani Israil melainkan kamu harus membelinya dan memerdekakannya.” *Tetapi jika mereka datang kepada kamu sebagai tawanan, kamu tebus mereka, padahal mengusir mereka itu (juga) terlarang bagi kamu.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 85) Pemimpin Rasul Jalut bertanya, “Engkau Abdullah bin Salam?” Abdullah bin Salam menjawab, “Ya.” Maka pemimpin Rasul Jalut datang dengan membawa wang sejumlah empat ribu (dirham), dan Abdullah bin Salam akhirnya menerima dua ribu saja, sedangkan yang dua ribu lagi dikembalikan kepada orang tersebut. Tentang hal ini Imam Ibn Jarir (2001: 1480) meriwayatkan:

قَالَ أَبُو الْعَالِيَةِ، “أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ سَلَامٍ، مَرَّ عَلَى رَأْسِ الْجَالُوتِ بِالْكُوفَةِ وَهُوَ يُفَادَى مِنَ النِّسَاءِ مَنْ لَمْ يَقَعْ عَلَيْهِ الْعَرَبُ وَلَا يُفَادَى مَنْ وَقَعَ عَلَيْهِ الْعَرَبُ، فَقَالَ لَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ: أَمَا إِنَّهُ مَكْتُوبٌ عِنْدَكَ فِي كِتَابِكَ أَنْ فَادُوهُمْ كُلَّهُنَّ”

Maksud: *Abu al-'Aliyah berkata, “Abdullah bin Salam pernah melewati di Rasul Jalut (bawah daerah Kufah), sedangkan pemimpin Rasul Jalut menebus tawanan perang wanita (dari kalangan Yahudi) yang belum disetujui oleh pasukan Arab, dan ia tidak mahu menebus tawanan wanita yang sudah digauli oleh tentara Arab. Maka Abdullah bin Salam berkata, “Ingatlah, bukankah termaktub dalam kitab yang ada padamu bahwa kamu harus menebus mereka semuanya (tanpa pilih kasih)?”*

(Ibn Jarir)

Makna yang ditunjukkan oleh ayat (Surah *al-Baqarah*, 2: 85) dan konteksnya mengandung celaan yang ditujukan kepada orang Yahudi berhubung dengan pengamalan mereka terhadap perintah kitab Taurat yang mereka yakini kesahihannya, padahal kenyataannya

mereka bertentangan dengan syariat yang terkandung dalamnya, sedangkan mereka mengetahui hal tersebut. Sebaliknya mereka mempersaksikan kebenaran dari kekeliruan tersebut. Oleh kerana itu, mereka seolah-olah tidak beriman kepada apa yang terkandung dalam kitab Taurat, tidak pula terhadap penukilannya, serta tidak percaya dengan apa yang mereka sembunyikan mengenai sifat Rasulullah SAW dan ciri khasnya, tempat diutusnya, saat munculnya dan tempat hijrahnya, serta lain-lainnya yang diberitakan oleh para nabi sebelum Nabi SAW muncul. Hal inilah yang disembunyikan dengan rapi antara sesama mereka. Semoga laknat Allah SWT menimpa ke atas mereka. Sehubungan dengan hal ini Allah SWT berfirman:

فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا

Maksud: *Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 85)

Balasan yang diterima oleh mereka disebabkan mereka menentang syariat Allah SWT dan perintah-Nya. Firman-Nya:

وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ

Maksud: *Dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 85)

Pembalasan ini sebagai pembalasan yang setimpal terhadap perbuatan mereka yang menentang Kitab Allah yang berada di tangan mereka, iaitu kitab Taurat. Firman Allah SWT lagi:

وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا
الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ ۖ

Maksud: *Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. (85) Mereka itulah orang yang membeli (mengutamakan) kehidupan dunia (dan kesenangannya) dengan (meninggalkan perintah Allah yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan) akhirat.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 85-86)


Ayat ini membawa maksud bahawa mereka lebih senang memilih kehidupan dunia daripada kehidupan akhirat. Dan firman-Nya lagi:

فَلَا يُخَفِّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ

Maksud: *Maka tidak akan diringankan azab seksa mereka (pada hari kiamat).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 86)

Ayat ini membawa maksud bahawa tidak pernah terhenti siksaan atas diri mereka walau hanya sesaat ketika berada dalam neraka. Dan firman-Nya:



Maksud: *Dan mereka pula tidak akan diberikan pertolongan.* (86)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 86)

Ertinya, tiada seorang penolong pun yang dapat menyelamatkan mereka dari azab kekal yang menimpa diri mereka, dan tiada seorang pun yang dapat memberikan perlindungan kepada mereka dari siksaan tersebut.

PENGAJARAN AYAT

Terdapat dua pengajaran penting yang boleh diambil, iaitu pengajaran di sebalik perjanjian Bani Israil dengan Allah SWT dan pengajaran daripada peristiwa yang berlaku terhadap Yahudi Madinah dengan sekutu mereka dalam kalangan kabilah Aus dan Khazraj ketika era Jahiliyyah.

PENGAJARAN PERJANJIAN BANI ISRAIL DENGAN ALLAH SWT

Umat Islam wajar mengetahui, memahami, dan mengamalkan perintah Allah SWT yang disebutkan dalam perjanjian-Nya dengan Kaum Bani Israil. Perintah tersebut juga ditujukan kepada umat Muhammad untuk mereka mengamalkannya. Perintah tersebut terdiri daripada berikut:

- (1) Hanya menyembah Allah SWT melalui solat dan tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu apa pun (surah *al-Baqarah*, 2: 83; Ibn al-Kathir, 1999: 1/316; Al-Zamkhasari, 1987: 1/159; Al-Qurtubi, 1964: 2/13; surah *al-Nisa*, 4: 36). Perintah ini merupakan hakikat dan tujuan semua makhluk dijadikan sebagaimana semua Rasul

disuruh oleh-Nya dalam perkara ini (surah *al-Anbiya*, 21: 25; surah *al-Nahl*, 16: 36;).

- (2) Membuat kebaktian kepada ibu bapa, khususnya ketika ibu bapa sudah tua (surah *al-Baqarah*, 2: 83; surah *al-Nisa*, 4: 36). Penekanan ini merupakan hubungan sesama manusia yang mula-mula dituntut untuk dilakukan oleh umat manusia dan selalu disesekalikan dengan perintah menyembah Allah SWT bagi menunjukkan kepentingan hubungan ini (surah *Lugman*: 14; surah *al-Isra'*, 17: 23; Al-Bukhari, 2001: 2782, 5971; Muslim, t.th.: 85, 2548).
- (3) Membuat kebaktian kepada kaum kerabat yang dekat berkait dengan kaum kerabat ibu bapa (surah *al-Baqarah*, 2: 83; Ibn Majah, 2009: 3658; Surah *al-Nisa*, 4: 36).
- (4) Membuat kebaktian kepada orang miskin (surah *al-Baqarah*, 2: 83; surah *al-Nisa*, 4: 36), iaitu orang yang tidak menjumpai apa yang mereka belanjakan buat diri mereka sendiri dan keluarganya (Ibn al-Kathir, 1999: 1/317).
- (5) Berinteraksi dengan orang lain dengan cara yang baik (surah *al-Baqarah*, 2: 83), iaitu dengan memberi salam (Ibn Abi Hatim, 1998: 848), bercakap dengan lemah lembut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/317), sentiasa tersenyum (Muslim, t.th.: 2626) serta melaksanakan amar makruh dan nahi mungkar (Muslim, t.th.: 2626) dalam masyarakat, sabar, dan pemaaf (Ibn al-Kathir, 1999: 1/317).
- (6) Mengeluarkan zakat sama ada zakat fitrah atau zakat harta (surah *al-Baqarah*, 2: 83).

Selain daripada perintah untuk melakukan sesuatu, Allah SWT juga membuat perjanjian dengan Bani Israil dalam hal larangan. Larangan yang diperintahkan kepada Bani Israil ini dipanjangkan kepada umat Muhammad SAW ialah:

- (7) Tidak menumpahkan darah dan menghalau keluar orang yang seagama daripada kampung halaman mereka (surah *al-Baqarah*,

2: 84-86) disebabkan kedudukan seagama adalah sama di sisi Allah SWT (Muslim, t.th.: 2586).

Allah SWT menegaskan bahawa perintah ini tidak dapat diikuti dengan baik oleh sebahagian besar kaum Bani Israil. (Ibn al-Kathir, 1999: 1/317; Surah *al-Baqarah*, 2: 84-86) Maka umat Muhammad SAW boleh tunjukkan bahawa mereka adalah umat yang lebih baik daripada kaum Bani Israil dalam mentaati perintah Allah SWT ini (surah *al-Baqarah*, 2: 83). Dalam pada itu, Allah SWT menambah perintah buat Nabi Muhammad SAW dalam beberapa perkara lagi, iaitu:

- (8) Berbuat baik kepada jiran yang terdekat dan jiran yang jauh (surah *al-Nisa*, 4: 36).
- (9) Berbuat baik kepada rakan sekerja (surah *al-Nisa*, 4: 36).
- (10) Musafir yang terputus bekalan (surah *al-Nisa*, 4: 36).
- (11) Berbuat baik kepada hamba sahaja atau pekerja (surah *al-Nisa*, 4: 36).

Ringkasnya terdapat 11 suruhan yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada umat Islam untuk kebaikan mereka sendiri agar setiap umat Islam dapat mendapat balasan yang sempurna di alam akhirat dan terelak daripada terceburlah ke dalam neraka kerana tidak melaksanakannya sebagaimana yang berlaku kepada kaum Bani Israil yang gagal untuk menyempurnakannya.

PENGAJARAN KISAH KAUM YAHUDI DI MADINAH

Umat Islam dan umat manusia wajar mengetahui, memahami, dan menjauhi peribadi kaum Yahudi di Madinah yang melanggar perintah Allah SWT agar tidak menumpahkan darah sesama manusia dan tidak menghalau orang yang sebangsa dengan mereka daripada kampung halaman (surah *al-Baqarah*, 2: 84-86) semata-mata tidak mahu rasa

terhina kerana kekalahan sekutu mereka. Sedangkan mereka mengetahui perbuatan mereka itu adalah melanggar perjanjian yang terdapat dalam kitab Taurat. Rasa bersalah terhadap perlakuan ini menyebabkan mereka saling menebut orang Yahudi yang menjadi tawanan untuk dilepaskan dalam beberapa peristiwa (Ibn al-Kathir, 1999: 1/318; Ibn Jarir, 2001: 1480). Oleh itu, umat Islam wajib dituntut untuk menjauhi amalan orang Yahudi yang hanya mengikuti sebahagian al-Kitab dan meninggalkan sebahagian yang lain (surah *al-Baqarah*, 2: 85) dengan berusaha mengamalkan keseluruhan al-Quran. Hal ini supaya azab yang ditimpakan kepada kaum Yahudi tidak tertimpa kepada umat Islam pula.

RUMUSAN

Buku ini sudah berjaya membincangkan tafsiran ayat secara tuntas bersama dengan pengajaran ayat yang boleh dijadikan iktibar untuk umat Islam. Sekalipun Allah SWT menumpukan perintahnya kepada Bani Israil, namun hakikat sebenarnya perintah tersebut juga ditujukan kepada umat Muhammad SAW agar mereka dapat menunjukkan ketakwaan mereka berbanding umat Bani Israil sebagai satu contoh teladan kepada umat manusia bahawa umat Nabi Muhammad dalam kalangan Muslim merupakan umat yang terbaik berbanding segala umat sebelumnya dan berbanding dengan umat sezaman dengannya.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih* – *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.

- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Zamkhasari, Mahmud. 1987. *Al-Kashshaf'an Haqa'iq Gawamidi al-Tanzil*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 51-57)*. Kertas Kerja dalam Siri 13: Program Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas Kerja dalam Siri 18: Program Budaya al-Quran, 31 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Jld. 14. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Jld. 15. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- al-Anbiya*, 6, 26
al-Baqarah, 3, 4, 5, 11, 12, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27
Al-Bukhari, 9, 26
 Allah SWT, v, 1, 3, 4, 6, 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 21, 23, 24, 25, 26, 27, 28
al-Nabl, 6, 26
al-Nisa, 10, 11, 12, 13, 25, 26, 27
al-Nisa', 10
 anak yatim, 2, 4, 11, 13
 Aus, 16, 19, 20, 25
 Bani Israil, 2, 3, 4, 12, 14, 15, 18, 19, 21, 25, 26, 27, 28
 Bani Nadir, 16, 20
 Bani Quraizah, 16, 20
 hamba, 11, 13, 27
Ibn Abi Hatim), 14
Ibn Jarir, 22
 ibu bapa, 2, 4, 8, 9, 10, 13, 26
 Islam, 32
 jiran tetangga, 11, 13
 kaum kerabat, 2, 4, 10, 13, 26
 Khazraj, 16, 19, 20, 25
Luqman, 7, 26
 miskin, 2, 4, 8, 11, 13, 26
 musafir, 8, 11, 13
Muslim, 9, 12, 18, 26, 28, 32
 Nabi Muhammad SAW, 1, 27
 perjanjian, 1, 2, 3, 4, 14, 15, 17, 18, 19, 25, 26
 rakan sejawat, 11, 13
 Taurat, 2, 16, 17, 19, 22, 24, 28
 Yahudi, 14, 16, 19, 20, 21, 22, 25, 27

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran
Siri 15
Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT
Surah al-Baqarah (2: 83-86)

Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT, Surah al-Baqarah (2: 83-86), Siri 15 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT menyingkap tujuh perjanjiannya dengan Kaum Bani Israil dan menggambarkan bagaimana kaum itu gagal untuk melaksanakannya padahal mereka sudah berikrar untuk mentaati perjanjian tersebut. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 83-86) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua pengajarnya penting yang boleh diambil pengajaran oleh umat Islam dan umat Manusia, iaitu pengajaran daripada elemen perjanjian antara Bani Israil dengan Allah SWT dan pengajaran daripada kegagalan kaum Yahudi ini untuk mengikuti perjanjian dalam beberapa kisah yang berlaku sama di Madinah dan di tempat lain.



ISBN 978-967-2171-83-6



9 789672 171836